

15 OCT 1998

SUKAR BAGI KERAJAAN BAYAR BONUS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata agak sukar bagi kerajaan untuk membayar bonus kepada kakitangan awam bagi tahun ini memandangkan kedudukan ekonomi negara sekarang.

"Negara akan mengalami defisit yang agak besar pada tahun depan, jadi sukar bagi kerajaan menimbang hal bonus," kata Perdana Menteri.

"Seperti mana yang kita tahu, kita bayar (bonus) kerana pendapatan kerajaan lebih atau luar biasa," kata beliau kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat dengan wakil-wakil Barisan Nasional menjelang persidangan belanjawan Dewan Rakyat dan Dewan Negara, di bangunan Parlimen, di sini.

Dr Mahathir berkata kakitangan awam dibayar bonus pada tahun-tahun lepas mengikut prinsip itu.

Perdana Menteri berkata semua pihak perlu bersedia untuk "mengikat perut" pada masa sekarang.

"Kita akan pulih, Insya-Allah," katanya.

Parlimen akan bersidang Selasa ini hingga 10 Dis dan belanjawan akan dibentangkan pada hari Jumaat.

-- BERNAMA

RAZ MAM